

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN PAMERAN
"SETIA BERSATU MENERUSKAN KEGEMILANGAN NEGARA"
DI KOTA SRI MUTIARA, KOTA BHARU, KELANTAN
PADA HARI JUMAAT, 26 NOVEMBER 1999**

Bersyukur ke-hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana kita dapat berjumpa dan seterusnya untuk merasmikan Pameran Setia Meneruskan Kegemilangan Negara serta melancarkan Buku Bersama Melangkah Ke Abad 21 anjuran Jabatan Penerangan Malaysia dan pihak Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan.

2. Terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Penerangan Malaysia kerana berjaya mengadakan Pameran "Setia Bersatu Meneruskan Kegemilangan Negara" yang diadakan di Kota Sri Mutiara, Kota Bharu.

3. Saya telah dimaklumkan iaitu tujuan diadakan pameran ini adalah untuk menyemarakkan perasaan patriotik dan cintakan negara di kalangan rakyat, khasnya generasi muda yang dilahirkan selepas kemerdekaan negara.

4. Akhir-akhir ini kita dapati semangat cintakan negara di kalangan rakyat semakin pudar, seolah-olah sejarah penderitaan rakyat semasa penjajahan dan semangat kepahlawanan bangsa semasa menuntut kemerdekaan negara semakin dilupakan.

5. Sejarah negara kita, dari zaman kegemilangan Melayu Melaka semasa penjajahan dan sejarah menuntut kemerdekaan tanah air perlulah sentiasa diingati, bukan sahaja di kalangan kita semua, tetapi juga di kalangan anak-anak generasi muda, bakal pemimpin-pemimpin masa depan negara tercinta. Dengan mengetahui dan memahami sejarah, maka sedikit sebanyak akan tertanam perasaan cintakan negara.

6. Negara kita terdiri dari berbilang keturunan iaitu Melayu, Cina, India dan kaum lain. Kita mahu semua kaum di negara ini hidup bersatu padu, rukun damai di antara satu sama lain. Kita tidak mahu ada perasaan cemburu dan dengki di antara sesuatu kaum yang boleh mengakibatkan berlaku perbalahan kaum di negara ini. Peristiwa hitam 13 Mei 1969 telah menyedarkan kita betapa perlunya kita setia kepada negara dan

memahami sejarah negara kita ini, kerana dengan memahami sejarahlah sesuatu kaum itu dapat merasa syukur terhadap nikmat yang dihadapi sehingga hari ini.

7. Kerajaan kita telah menggubal beberapa dasar seperti Dasar Ekonomi Bam, Dasar Pendidikan Nasional dan sebagainya. Ianya adalah bertujuan supaya setiap kaum di negara ini dapat hidup bersatu padu dan aman damai.

8. Walaupun setiap dasar yang digubal adalah untuk kesejahteraan semua kaum, tetapi dari segi perlaksanaannya tentulah Kerajaan terpaksa menumpukan dan memberi pembelaan yang lebih sedikit kepada kaum Melayu kaum bumiputera. Ini kerana bangsa peribumi ini didapati lemah dan belum lagi mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain yang agak ke depan sedikit, baik dari segi ekonomi mahupun pendidikan. Matlamat utama Kerajaan ialah supaya setiap bangsa dapat sama-sama menikmati kemajuan yang dicapai hasil usaha gigih kerajaan dengan sokongan semua rakyat. Oleh sebab itulah pentingnya rakyat memahami sejarah bangsa dan negara sendiri.

9. Dengan pameran yang berlangsung hari ini diharapkan masyarakat dapat mengimbas kembali sejarah negara dari dahulu hingga sekarang bagi memupuk semangat setia, bersatu dan cintakan negara.

10. Pada hari ini negara kita disanjung dan dihormati oleh dunia. Pembangunan yang begitu pesat mengkagumkan dunia luar. Banyak barangan dan keperluan dapat dikeluarkan sendiri dan tidak perlu bergantung banyak kepada barang-barang import. Rakyat berbilang kaum hidup dalam keadaan harmoni. Tidak berlaku rusuhan dan kelaparan sebagaimana negara-negara jiran. Di negara-negara jiran kita dapati berlaku hum hara di sana sini. Pemimpin bertukar ganti, keadaan ekonomi begitu teruk sekali sehingga berlaku kebuluran. Ramai rakyat dari negara jiran terpaksa berhijrah ke man kerana mendapati negara kita lebih baik dari negara mereka. Oleh itu saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan supaya menjaga dan mengekalkan keadaan harmoni yang ada pada negara kita hari ini dan elakkan dari berlakunya masalah sosial, ekonomi dan politik seperti negara jiran disekeliling kita.

11. Walau bagaimanapun kita amat menyesali akan sifat setengah-setengah daripada kita yang tidak pernah puashati di atas pencapaian gemilang negara kita. Masih terdapat golongan ataupun anasir-anasir khianat yang cuba mengganggu gugat keamanan yang kita nikmati pada hari ini. Mereka ini sanggup menabur berbagai

fitnah kepada kerajaan, mengajak rakyat membenci kerajaan demi memenuhi cita-cita dan kepentingan mereka sendiri. Mereka ini juga sanggup bersekongkol atau bersubahat dengan negara luar bagi menjatuhkan Kerajaan yang ada. Oleh itu saya menyeru kepada tuan-tuan semua supaya menjaga kemakmuran negara kita yang ada pada hari ini, bagi menjamin masa depan anak-anak dan cucu-cucu kita semua. Sokonglah Kerajaan yang kuat dan jangan terpengaruh dengan anasir-anasir yang ingin memusnahkan masa depan negara kita.

12. Pada masa ini negara juga menghadapi masalah sosial yang agak serius di kalangan belia/beliawanis. Ramai anak-anak muda termasuk pelajar yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Kita kesal kerana gejala ini melibatkan ramai di kalangan belia/beliawanis Melayu yang kita harapkan sebagai pemimpin pelapis yang bakal menemiskan perjuangan pemimpin-pemimpin yang ada pada hari ini. Jika keadaan ini berterusan dan tidak dibendung mulai sekarang, adalah sukar bagi kita hendak melahirkan masyarakat yang sihat, berdisiplin dan dinamik. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama mendidik anak-anak kita dengan sempurna terutama dari segi agama bagi mewujudkan satu masyarakat yang kebal daripada serangan pengamh-pengaruh negatif yang boleh menyelinap dan menghapuskan bangsa.

13. Saya doakan semoga pameran ini akan berjaya dan mendatangkan banyak faedah-faedah kepada semua pihak. Tahniah diucapkan kepada Pegawai-pegawai dan Ahli Jawatankuasa Pameran yang berjaya melaksanakan pameran dengan gilang-gemilang sekali.

14. Pada hari ini saya ingin mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan supaya teruskan semangat menimba ilmu sebanyak mungkin terutama kepada anak-anak kita. Jadikan "Membaca Sebagai Hobi". Banyakkan mendengar ucapan-ucapan penting dari pemimpin Kerajaan. Insya-Allah, jika mi diamalkan Malaysia akan melahirkan masyarakat yang bermaklumat, rakyat sihat dan berwawasan serta bersedia menghadapi alaf baru abad ke-21.

15. Akhirnya saya mengucapkan tahniah kerana Kelantan telah dipilih sebagai tempat pelancaran pameran "Setia Bersatu Untuk Meneruskan Kegemilangan Negara" Peringkat Kebangsaan 1999. Semoga dengan adanya pameran seperti ini dapatlah kita menyemarakkan lagi perasaan cintakan negara di kalangan rakyat, dan melahirkan

rakyat yang bersyukur terhadap kemakmuran negara melalui pendedahan maklumat sejarah negara serta bahan yang sedia ada di Jabatan Penerangan.

16. Dengan lafaz Bismillahir rahmanirrahim, saya merasmikan pameran "Setia Bersatu Meneruskan Kegemilangan Negara" Peringkat Kebangsaan 1999 dan melancarkan Buku "Bersama Melangkah Ke Abad 21".
